KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15.02.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

Pasukan kedua Senoi Praaq kesan harimau di Gua Musang

IPOH – Seramai 26 anggota Senoi Praaq dari Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (Bn 3 PGA) Bidor dikerah membantu penugasan mengesan serta mengawal harimau belang yang berkeliaran sekitar Pos Bihai di Gua Musang.

Timbalan Komander Briged Utara PGA, Asisten Komisioner Mohd. Noh Khamis berkata, mereka menggantikan anggota terdahulu yang melaksanakan operasi sama.

Menurut beliau, pasukan pertama seramai 29 anggota telah ditugaskan di sana selama tiga minggu sejak 19 Januari lalu.

"Penugasan tersebut seperti-


Pak Belang kelihatan mundar mandir kelaparan

Harimau muncul di tepi pagar sekolah

KERATAN *Kosmo!* 12 Januari 2022.

mana diminta polis daerah Gua Musang bagi membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) mengawal dan mengesan harimau.

"Pasukan sebelumnya telah menamatkan operasi semalam dan akan kembali ke Kem Bidor," ujarnya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata Mohd. Noh, selain mengawal kehadiran haiwan liar itu, pasukan Senoi Praaq juga akan ditugaskan meronda bagi mengekang aktiviti hutan di sekitar Machang.

Ujarnya, sepanjang tiga minggu melakukan operasi anggotanya turut menemui jejak harimau yang masih baru di salah sebuah kawasan perkampungan Orang Asli di Gua Musang.

"Pada masa sama kita juga mengingatkan anggota supaya berwaspada semasa melaksanakan tugas," ujarnya.



SEBAHAGIAN daripada anggota Bn 3 Senoi Praaq semasa majlis pelepasan dalam penugasan OBK Siri 02/2022 di Kem Bidor baru-baru ini.